



Pesta buah 2012 pada 6, 7 Julai

JOHOR BAHRU 27 Jun - Orang ramai berpeluang menikmati hidangan yang menggabungkan pelbagai buah-buahan tropika dengan sajian tradisi Melayu dalam promosi Pesta Raja Buah dan Buah-Buahan Tempatan 2012 (Fruit Fiesta 2012) di Pulau Springs Resort di sini, mulai 6 hingga 7 Julai ini.

Pengurus Besarinya, Tengku Ahmad Faizal berkata, program dua hari bermula pukul 6.30 petang sehingga 9.30 malam itu melibatkan keunikan juadah seperti tom yam sup air kelapa, tikka ayam dengan cutni mangga salsa, ikan stim dengan jeruk buah, ayam panggang nangka berkaramel, ikan singgang pedas nanas, kari daging kelapa muda dan pelbagai lagi.

"Pesta raja buah dan buah-buahan tropika ini bertujuan mempromosi dan mendedahkan masyarakat tempatan dan pelancong luar kepada keistimewaan buah-buahan tempatan terutama yang bermusim. Ini adalah inisiatif kedua kami dalam menganjurkan promosi pesta buah-buahan di hotel," katanya.

Katanya lagi, harga yang dikenakan adalah serendah RM43 ++ untuk dewasa dan RM22++ untuk kanak-kanak yang mana bersesuaian dengan temanya. Pelanggan boleh menikmati buah-buahan tempatan seperti durian, duku, langsung, rambutan, jambu batu, cempedak, nangka, nanas dan sebagainya.